# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 5 DISEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8. | FISHING BOAT FOUND FERRYING ILLEGAL MIGRANTS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A1,A2<br>ISU BAJA SUBSIDI DAPAT PERHATIAN, BERITA, BERITA HARIAN (UTARA) -49<br>MOA KEMAS KINI DATA PENERIMA SUBSIDI, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -19<br>MOA UPDATING DATA ON FARMER'S SUBSIDY, INCENTIVE RECIPIENTS, NEWS, BERNAMA.COM -4<br>AGRICULTURE MINISTER: 90 PERCENT WATERS UNAFFECTED BY FOREIGN FISHING BOAT INTRUSION, NATION, CHINA PRESS -A23<br>'90 PER CENT OF COUNTRY'S WATERS FREE FROM FOREIGN FISHERMEN'S INTRUSION', NEWS, THE BORNEO POST -6<br>90 PERATUS PERAIRAN MALAYSIA BEBAS PENCEROBOHAN BOT NELAYAN ASING SEJAK OPS NAGA, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10<br>TUNGGU KELULUSAN AGIH BAJA SUBSIDI, NASIONAL, BERITA HARIAN -4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 9. | TOXIC ALGAE BLOOM DETECTED: DO NOT EAT OYSTER, CLAM, SCALLOP, HOME, BORNEO POST (KK) -1 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 10. | PESAWAH MUDA GUNA DRON HASIL PADI BERMUTU, SOAL JAWAB, BERITA HARIAN -13 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 11.<br>12. | 200 PETANI DAKWA RUGI RM2.4 JUTA, SINAR NEGEI KELANTAN, SINAR HARIAN -35<br>BAH MELANDA RM2.4J TENGGELAM, LOKAL, HARIAN METRO -10 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fishing boat found ferrying illegal migrants | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 05 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A1,A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1122 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 14,113 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 42,340 |



## 农长：部分滥用执照

# 渔船不载鱼载偷渡客



**(沙登4日讯) 部分获得执照的渔船竟然不务正业，不载送鱼获，而是载人非法入境我国！**

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁揭露，根据政治部的报告，国内部分渔船，没有进行日常的捕捞作业，反之是供作载人非法入境用途。

"我们发出执照是供捕捞渔获，为什么载送非法入境者进来？"

他说，部门副秘书长已接获指示，对此事展开调查。

沙拉胡丁今日为大马渔业局与渔民对话会主持开幕时，揭露这惊人消息。

文转 ▶ A2

沙拉胡丁研究一艘现代化装备的渔船。

| Headline | Fishing boat found ferrying illegal migrants | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 05 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A1,A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1122 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 14,113 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 42,340 |



沙拉胡丁（右）与本地渔产公司代表交流，了解该行业近期所面对的挑战。

## 农长促勿愚弄官员

# 滥用渔船执照必严惩

文接 ▶ 封面

### 渔船不载鱼载偷渡客

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁警告，部门对滥用渔船执照的人士绝不妥协，并将采取行动。

他说，政府发放渔船执照是让渔民能出海捕捞鱼和寻找生计。

"渔产是国家财富，获得渔船执照的渔民就应出海捕鱼。

"如果要成为阿里巴巴，就不必（向政府）申请执照；我将撤销执照，这些人士不需要获得执照。"

他提醒相关人士无需在他面前演戏，也不要愚弄自己和渔业局官员，因为自己知道何人是阿里巴巴。

### 500张新执照待申请

另外，如果你想加入捕鱼的行列，这里有个好消息。

沙拉胡丁透露，农业部准备了500张不同组别的新渔船执照，若此前未曾获得执照的人士，以及有意涉足此领域的青年，可提出申请。

沙拉胡丁说，随着渔业法令的修订，持有特定执照的船只可前往深海，如印度洋捕捞，这将增加国内渔产的供应量。

## 政治部掌握违法渔民

### 若被逮捕 农业部无权干预

沙拉胡丁在较后的记者会也补充，政治部已通知农业部，有小部分渔民涉嫌作出上述违法行为，但仍需等待完整的报告，才决定下一步行动。

他提醒，一旦涉案渔民落网，农业部不会处理有关问题。

沙拉胡丁说："若遭到执法当局逮捕，这不再是（农业部）权限……所以请不要作出违法行为，让自己为难。"

Powered by: isentia

| Headline | Isu baja subsidi dapat perhatian | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian (Utara) | | |
| Date | 05 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Berita | Circulation | 2,802 |
| Page No | 49 | Readership | 8,406 |
| Language | Malay | ArticleSize | 417 cm² |
| Journalist | Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi | AdValue | RM 9,594 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,782 |



# Isu baja subsidi dapat perhatian

## Kementerian tegas ambil tindakan segera atasi masalah, perangi pihak sabotaj petani

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

**Bagan Serai:** Masalah kelewatan baja subsidi yang berlaku di Selinsing dan Gunung Semanggol kini mendapat perhatian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Ahli Parlimen Bagan Serai, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata beliau sudah mengemukakan masalah itu kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, dalam satu pertemuan di Parlimen, petang kelmarin.

"Dalam pertemuan berkenaan, Salahuddin menegaskan akan bertindak segera dalam mengatasi masalah ini dan akan memerangi mana-mana pihak yang mensabotaj petani.

"Salahuddin sudah mengarahkan Timbalan Ketua Setiausaha (KSU) kementeriannya menandatangani perolehan dan segera menghantarnya ke Kementerian Kewangan (MOF)," katanya ketika dihubungi *BH*, di sini, semalam.

Kelmarin, kira-kira 200 pesawah di Selinsing dan Gunung Semanggol mengadakan perhimpunan aman mendakwa belum menerima bekalan baja bersubsidi untuk tanaman padi mereka yang kini sudah mengalami kelewatan hampir dua bulan.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gunung Semanggol/Selinsing, Abdul Rahman Hamid, yang mengetuai perhimpunan berkenaan berkata, kelewatan bekalan baja itu menjejaskan kira-kira 1,900 pesawah yang mengusahakan 4,462 hektar sawah padi di kawasan terbabit.

Beliau dilaporkan berkata, kesan utama yang bakal dihadapi pesawah adalah tanaman padi mereka akan terbantut dan kualiti padi akan terjejas dengan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dikatakan memaklumkan bekalan atau kuota baja itu tidak mencukupi.




*Keratan akhbar BH semalam.*

Abdul Rahman dipetik berkata, sebanyak 13,375 beg baja sebatian dan 12,627 baja urea serta 24,001 baja tambahan belum diperoleh, sedangkan pesawah sudah membayar 'wang tambang baja'.

Dr Noor Azmi berkata, Salahuddin sudah memberi jaminan kepada beliau masalah itu akan diselesaikan secepat mungkin bagi memastikan semua pesawah terbabit tidak menghadapi masalah dalam mengusahakan tanaman mereka.

"Saya harap pesawah terbabit dapat bersabar berikutan perkara ini sudah sampai ke pengetahuan menteri dan beliau berjanji akan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah yang dihadapi mereka," katanya.



***Salahuddin sudah beri jaminan masalah itu akan diselesaikan secepat mungkin bagi memastikan semua pesawah terbabit tidak menghadapi masalah dalam mengusahakan tanaman mereka.***

*Dr Noor Azmi Ghazali, Ahli Parlimen Bagan Serai*

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA kemas kini data penerima subsidi | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 05 Dec 2019 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 19 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 153 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 911 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,732 |



# MOA kemas kini data penerima subsidi

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sedang menjalankan proses pemutihan dengan mengemas kini data penerima Skim Subsidi dan Insentif Pesawah Bagi Meningkatkan Bekalan Beras Negara dalam memastikan bantuan subsidi benar-benar sampai kepada golongan sasar.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata usaha itu bertujuan untuk mengelak berlakunya ketirisan dalam pemberian subsidi berkenaan sekali gus dapat meningkatkan bekalan beras negara.

"Saya harap untuk data tahun depan, kita akan dapat kemas kini satu data yang lebih *genuine* supaya tidak berlaku lagi apa yang dikatakan ketirisan dalam pemberian subsidi ini.

"Tetapi saya nak beritahu ia bukan mudah (kemas kini data) kerana apabila melibatkan petani dan orang kampung, kita perlu cermat...untuk lihat bagaimana hendak membantu mereka dan kita tidak boleh berkasar dengan terus menguatkuasakan sesuatu.

"Ia perlu ada perjumpaan, perundingan dan perjumpaan dengan golongan itu," katanya ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen semalam.

Dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2, 2018 yang dikeluarkan Selasa lepas ada pesawah yang sudah meninggal dunia 40 tahun lalu menjadi antara 7,061 individu yang dikesan masih tersenarai sebagai penerima Skim Subsidi dan Insentif Pesawah Bagi Meningkatkan Bekalan Beras Negara.

Laporan itu turut mendedahkan antara 3,210 hingga 7,061 pesawah sudah meninggal dunia masih menerima subsidi dan insentif setiap musim berjumlah RM57.92 juta.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata sejak menerajui kementerian itu pada 20 Mei tahun lalu, beliau telah meneliti semua fakta berkaitan skim berkenaan sebelum mengarahkan proses pemutihan dilaksanakan.

"Kalau seseorang petani sudah meninggal dunia kita nak lihat siapa warisnya, jumlah atau keluasan tanah dan jumlah subsidi yang diterima. – Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA updating data on farmers´s subsidy, incentive recipients | | |
| MediaTitle | Bernama.com (www.bernama.com) | | |
| Date | 05 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 5 |
| Order Rank | 4 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,250 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,750 |

# MOA updating data on farmers´s subsidy, incentive recipients

KUALA LUMPUR, Dec 4 -- The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) is updating data on recipients of the Farmers Subsidy and Incentive Scheme, which is implemented to increase the country's rice supply, to ensure the assistance to reach the ...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister: 90 percent waters unaffected by foreign fishing boat intrusion | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 05 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A23 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 318 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,273 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,818 |



# 農長：「龍行動」奏效
# 90%海域沒外國漁船犯境




■沙拉胡丁阿育（右）参观对话会展出的渔船模型。

（沙登4日讯）农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁阿育指出，自"龙行动"去年4月开展以来，当局在南中国海和马六甲海峡一带共扣留了160艘外国渔船，目前国内有达90%海域，不受外国渔船入侵。

他说，扣留外国非法渔船，也促使东海岸和西海岸的渔获大量增加。

沙拉胡丁阿育今日出席国家渔业改革对话会开幕，致词时这么指出。

"执法行动不只是扣留外国渔船，也包括取缔一些可以破坏海洋生态的渔具，如篆笼（bubu naga）。"

部长透露，内阁已经决定继续执行"龙行动"，至于限期还有待确定。

他说，他已经指示目前执行农业部秘书长职务的副秘书长，与海事执法机构讨论，把从"龙行动"中所扣留的外国渔船和渔具转交给渔业局，让渔业局展开执法行动。

另外，他也提醒持有渔业执照的本地渔民，千万不要使用渔船载送外来移民，因为这抵触了法律和执照条件，犯错者可被采取严厉对付行动。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | '90 per cent of country's waters free from foreign fishermen's intrusion' | | |
| MediaTitle | The Borneo Post (www.theborneopost.com) | | |
| Date | 05 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 6 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,400 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,200 |

# '90 per cent of country's waters free from foreign fishermen's intrusion'

SERDANG: Ninety per cent of the country's waters is now free from intrusion by foreign fishing boats since an operation code-named 'Op Naga' was launched last April, said Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub.
He said du...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 90 peratus perairan Malaysia bebas pencerobohan bot nelayan asing sejak Ops Naga: | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 05 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# 90 peratus perairan Malaysia bebas pencerobohan bot nelayan asing sejak Ops Naga:

REPLIKA KAPAL: Salahuddin (kanan) melihat replika kapal nelayan semasa melawat ruang pameran perikanan selepas merasmikan Dialog Pembaharuan Industri Perikanan Negara di Universiti Putra Malaysia di Serdang, semalam. — Gambar Bernama

SERDANG: Sebanyak 90...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: Isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/12/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 4 |

# Tunggu kelulusan agih baja subsidi

## Kerajaan melalui NAFAS siap sedia hantar bantuan kepada petani seluruh negara

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my

**Serdang:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masih menunggu kelulusan Kementerian Kewangan bagi membolehkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) mengagihkan baja subsidi kepada petani di seluruh negara.

Bagaimanapun, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, memberi jaminan baja subsidi itu akan diagihkan secepat mungkin selepas permohonan peruntukan kewangan diluluskan.

"Jika kita dapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan sekarang, hari ini juga kita akan hantar baja subsidi kepada NAFAS untuk diagihkan kepada petani di seluruh negara," katanya pada sidang media selepas merasmikan sesi Dialog Pembaharuan Industri Perikanan Negara di sini, semalam.

Pesawah di beberapa kawasan sebelum ini mengadu masih belum menerima baja subsidi walaupun ada yang sudah memulakan penanaman dan khuatir akan menjejaskan hasil padi mereka.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin berkata, kementerian akan menggunakan pelbagai pendekatan bagi membantu golongan nelayan sepanjang musim tengkujuh termasuk membenarkan mereka menggunakan bot pukat tunda di kawasan pinggir pantai selain menghulurkan bantuan kewangan bagi meringankan bebas kos sara hidup.

"Saya juga sudah meluluskan 500 lesen bot nelayan baharu bagi menggalakkan golongan muda terbabit dengan aktiviti menangkap ikan dan perikanan lain," katanya.

Salahuddin juga memberi amaran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengambil tindakan tegas terhadap pemilik yang menyewakan bot mereka untuk menyeludup pekerja asing tanpa izin (PATI) ke Malaysia.

Beliau berkata, kementerian menerima maklumat berhubung kegiatan terbabit daripada pasukan Cawangan Khas (SB) Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Pembabitan nelayan tempatan dengan kegiatan penyeludupan PATI dibisikkan kepada saya berlaku di perairan Laut China Selatan. Saya minta SB berikan laporan penuh mengenainya.

"Jika perkara itu betul kita tidak teragak-agak untuk menarik balik lesen bot nelayan serta pelbagai tindakan tegas daripada pihak berkuasa termasuk Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi penguat kuasa lain," katanya.

Salahuddin berkata, beliau berpuas hati dengan kejayaan OPS Naga yang turut disertai Polis Marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Jabatan Perikanan Malaysia yang berjaya mengurangkan lebih 90 peratus kegiatan pencerobohan nelayan asing ke perairan negara dalam tempoh enam bulan lalu.

Beliau berkata, lebih 160 bot nelayan asing dirampas sejak operasi itu dilancarkan April lalu dan OPS Naga akan diteruskan bagi memastikan hasil laut negara tidak 'dirompak' nelayan asing, sekali gus meningkatkan pendapatan nelayan tempatan.

"Saya mahu sumber laut kita ini dapat dimaksimumkan. Operasi naga tidak akan dihentikan, Kabinet bersetuju untuk kita meneruskan operasi ini.

"Kolaborasi ini memang menampakkan satu kejayaan kerana bukan sekadar vesel asing, peralatan yang dikategorikan sebagai pemusnah seperti bubu naga pun dapat dibanteras oleh pasukan penguat kuasa kita," katanya.




*Salahuddin melawat ruang pameran selepas merasmikan Dialog Pembaharuan Industri Perikanan Negara di Serdang, semalam.* [Foto Rosela Ismail/BH]

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Toxic algae bloom detected: Do not eat oyster, clam, scallop | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 05 Dec 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 1 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 150 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 418 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,255 |



# Toxic algae bloom detected: Do not eat oyster, clam, scallop

**KOTA KINABALU:** Toxic algae bloom has been detected in the waters of Kuala Penyu with a high Pyrodinium bahamense dinoflagellate cell reading in seawater and paralytic shellfish poisoning (PSP) toxin reading above dangerous level in shellfish based on an analysis of shellfish and seawater at the Likas Fisheries Complex.

Revealing this yesterday, Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Junz Wong said all shellfish such as oyster, clam, scallop and others are not safe for consumption at the moment while all types of fish, prawn, crab and squid are safe to eat, but must be cleaned thoroughly before cooking and all internal organs and gills must be removed.

"The PSP toxin has no colour, smell or taste and cannot be seen with the naked eye. It cannot be removed through cooking or storing in the freezer.

"At the initial stage of PSP toxin poisoning, victims would experience a pulsing sensation on the lips and tongue for the first 30 minutes. They would also feel 'pins and needles' on their skin.

"Victims would also feel as if they were floating and nauseated. For more severe cases, they may lose control of their hands and legs.

"Victims may also experience difficulty in breathing and in most serious cases, death could occur within two to 24 hours of consumption due to paralysis in the respiratory system and heart failure. If poisoning occurs, seek immediate treatment at nearby clinics or hospitals," Junz warned.

A sample of clams from Purun Pasir, Kuala Penyu, showed PSP toxin level of up to 414 µg Poison /100g meat, well over the dangerous level of 80 µg Poison /100g meat.

Meanwhile, seawater sample from the Jeti Penguatkuasaan Perikanan, Muara Sungai Periuk and Pancang Merah, Kuala Penyu areas each recorded Pyrodinium bahamense cell readings of up to 18,440 sel/L, 15,560 sel/L and 10,500 sel/L, respectively. Dangerous level for Pyrodinium bahamense cell in seawater is 7,000 sel/L.

Dead fish sample was taken by the Fisheries Department and sent to the laboratory of Sabah Fisheries Department in the Sabah Fisheries Biosecurity Office, Likas Fisheries Complex, for analysis yesterday.

"As for now, occurrence of red tide has not been detected in Labuan waters.

"This is based on a sample which was analysed and recorded PSP toxin which was still under the dangerous reading of 800 ppb," said Junz

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 5/12/2019 | BERITA HARIAN | SOAL JAWAB | 13 |

# Pesawah muda guna dron hasil padi bermutu

**Pendang:** Transformasi dalam bidang pertanian menuntut penggunaan teknologi terkini, seperti dron diguna pakai di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah.

Mula diperkenalkan penghujung 2015, dron bukan sahaja menjimatkan masa dan kos, malah memudahkan kerja pesawah khususnya dalam urusan penyemburan racun di petak sawah masing-masing.

Sebagai contoh, pesawah muda, Mohd Hafriz Abdul Alim, 27, menggunakan teknologi itu untuk menyembur racun di 20 hektar sawah diusahakannya di sini.

Beliau berkata, kaedah semburan racun dan taburan baja menggunakan dron menyebabkan proses itu lebih sekata serta memendekkan tempoh proses itu dilakukan.

"Jika menggunakan dron, proses menyembur racun bagi setiap satu relong atau 0.4 hektar sawah hanya mengambil masa kira-kira 10 minit, berbanding 30 minit melalui kaedah tradisional.

"Upahnya tetap sama iaitu RM20 serelong. Dengan dron saya juga dapat mengelak berlakunya penyebaran penyakit kerana kawasan sawah tidak dipijak," katanya yang menetap di Kampung Bukit Sekecong, di sini.

Mengulas lanjut, katanya ketika proses semburan dilakukan, tekanan kipas dron akan menghasilkan aliran angin ke bawah dan membuka pokok padi agar racun sampai ke pangkal tumbuhan.

"Dron berupaya mengesan koordinat lokasi penyemburan dalam sawah secara tepat kerana dilengkapi sistem pengesanan global (GPS).

"Jika bateri lemah ketika penyemburan, dron akan dibawa semula kepada pengendali untuk menukar bateri dan apabila diterbangkan, ia akan kembali ke lokasi terakhir penyemburan untuk kembali bermula di situ," katanya yang mampu meraih pendapatan bersih sehingga RM30,000 semusim.



*Dron yang digunakan untuk sembur racun pokok padi di Mukim Tobiar, Pendang. (Foto Amran Hamid /BH)*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/12/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI KELANTAN | 35 |

# 200 petani dakwa rugi RM2.4 juta

*Tanaman ubi vitato dan sayuran musnah ditenggelami banjir*

HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Seramai 200 petani mendakwa kerugian RM2.4 juta selepas tanaman ubi vitato dan pelbagai jenis sayuran yang diusahakan di atas tanah seluas 160 hektar di sekitar Tok Bali dekat sini ditenggelami banjir beberapa hari lalu.

Situasi itu menyebabkan punca pendapatan mereka terjejas kerana tanaman berkenaan hanya menunggu masa untuk dituai.

Wakil petani, Samsudin Mat Nor, 52, mendakwa masalah tersebut berpunca daripada sistem perparitan yang sudah lama tidak diselenggara dengan baik menyebabkan kawasan tersebut ditenggelami banjir akibat hujan lebat.

"Sebelum ini, sistem perparitan diselenggara oleh LKTN (Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara) kerana kami adalah bekas petani yang menanam tembakau satu masa dahulu," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Samsudin berkata, mereka percaya seandainya sistem perparitan itu diselenggara dengan baik, banjir yang melanda kawasan tersebut akan berlaku dalam tempoh yang singkat.

Katanya, tempoh banjir yang agak panjang dan melebihi beberapa hari itu menyebabkan ubi yang ditaman rosak dan gagal diselamatkan.

"Pokok nampak cantik secara luarannya namun isinya sudah rosak dan tidak dapat dijual sekaligus menyebabkan kami mengalami kerugian," katanya.



Petani kerugian besar apabila tanaman mereka rosak selepas ditenggelami air banjir.

Samsudin berkata, ubi tersebut sepatutnya dituai dalam tempoh dua minggu lagi.

Sementara itu, Mohd Amirudin Mohd Asri, 26, yang mengusahakan tanaman petola berkata, dia tidak dapat mengutip hasil selepas tanaman itu ditenggelami air sedalam 0.7 meter.

Katanya, ekoran banjir itu dia mengalami kerugian lebih RM10,000.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* mendapati kebanyakan tanaman yang diusahakan rosak selepas ditenggelami banjir.

Kebanyakan petani terlibat terdiri dari Kampung Haji Wan Omar, Pinggiran Aman, Air Terjun, Pak Mayong dan Projek LKTN Air Tawar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/12/2019 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |



BAH MELANDA

# RM2.4j tenggelam

## *200 petani berputih mata ubi keledek vitato rosak dek banjir*


Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my


**Pasir Puteh**

Kira-kira 200 petani tanaman kontan di daerah ini berputih mata apabila tanaman ubi keledek vitato dan sayuran mereka ditenggelami air membabitkan kerugian lebih RM2.4 juta.

Tanaman seluas 160 hektar itu membabitkan lima kawasan iaitu kawasan tanaman projek Lembaga Tembakau Negara Air Tawar, kawasan tanaman pinggiran Kampung Aman, Kampung Pak Mayong, Kampung Haji Wan Omar dan Kampung Air Terjun.

Kemusnahan dipercayai akibat parit setinggi hampir lima meter menghubungkan kawasan tanaman tersumbat sebelum melimpah ke kawasan tanaman.

Seorang petani yang terjejas, Shamsuddin Md Nor, 52, berkata, kerosakan tanaman hampir 80 peratus membabitkan ubi keledek vitato manakala selebihnya cili dan petola.

Katanya, hujan tidak berhenti sejak Sabtu lalu menyebabkan air melimpah hingga menenggelamkan kawasan tanaman setinggi 0.3 meter selama lima hari.

"Sepatutnya dua minggu lagi, kami dapat tuai hasil tanaman diusahakan sejak dua hingga empat bulan lalu dan mendapat hasil antara RM10,000 hingga RM15,000 semusim.

"Namun, kini semua tanaman rosak ditenggelami air, kalau sehari dua masih boleh selamat tapi bila dah banyak hari, isi dah hancur, rosak dan tak boleh dijual lagi.

"Ini kerugian paling besar dialami petani sejak menanam tanaman kontan dan sayuran sebagai pengganti tembakau sejak 12 tahun lalu," katanya ketika ditemui di kawasan tanaman Haji Wan Omar di sini, semalam.

Bagi Husin Ab Kadir, 75, berkata, dia bukan saja kerugian besar apabila 0.8 hektar tanaman cili merah kulai musnah, malah terpaksa menanggung hutang apabila modal tanaman itu turut membabitkan pinjaman kredit daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) disertainya.

"Saya tanam cili ini untuk bekalan syarikat sos terkemuka negara, jadi modal besar, nak guna duit sendiri tak mampu, jadi saya dapat pinjaman kredit dapat barang dulu seperti kos membajak, plastik untuk tanaman dan benih daripada PPK, bila tuai hasil baru dapat bayar hutang.

"Jadi bila jadi macam ni (tanaman rosak), memang kena tanggung hutang, makan minum anak sekolah, nampaknya kena gadai gelang isteri dulu, sebab ini satu-satunya punca pendapatan keluarga," katanya.

Mat Zaid Yaakub, 55, berkata, petani berharap pihak berkaitan dapat membantu menyelenggara parit berkenaan kerana keadaannya yang luas dan tinggi memerlukan mesin dan peralatan khas.

"Kami fahamkan sudah dua tahun parit berkenaan tidak dicuci dan petani hanya mampu mencuci dengan kemampuan sendiri, namun masih tidak dapat membersihkan parit terbabit sepenuhnya," katanya ketika ditemui, semalam.



PETANI menunjukkan hasil tanaman yang ditenggelami air.